



4

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

National University of Malaysia

Jabatan Bendahari • Bursar's Office

Rujukan : UKM 3.1/224/8 Jld. X

Tarikh : 15 Januari, 2009

PEKELILING BENDAHARI BIL. 1/2009

Dekan/Pengarah/Pengerusi
Fakulti/Institut/Pusat/Jabatan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Pengarah
Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

Pindaan Had Kelayakan Pinjaman/Pembayaran Membeli Kereta Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas suacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12/2008 telah meluluskan kadar baru kelayakan pinjaman/pembayaran membeli kenderaan dan tempoh bayaran balik dengan pindaan seperti berikut.

- | | |
|--|---------------------------------|
| i) Untuk Membeli Kereta | Had Maksima Pinjaman/Pembayaran |
| a) Jawatan-jawatan Utama dan
Jawatan Gred Khas | RM 70,000 |
| b) Kumpulan Pengurusan dan Profesional | RM 65,000 |
| c) Kumpulan Sokongan
(Gaji pokok tidak kurang RM 1,620) | RM 55,000 |
-
- | | |
|--|--|
| ii) Tempoh bayaran balik pinjaman:- | |
| a) Bagi kereta baru tidak melebihi 108 bulan @ 9 tahun | |
| b) Bagi kereta terpakai tidak melebihi 96 bulan @ 8 tahun | |




Pemenang Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2006
Winner of the Prime Minister's Quality Award 2006

Jabatan Bendahari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Telefon: 03-8921 3116/3117 Faksimili: 03-8925 4605 Laman web: www.ukm.my/bendahari
Email: bndahari@ukm.my

Sukacita mendapat kerjasama memaklumkan perkara ini kepada semua kakitangan di bawah pengawasan Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan. Kadar baru ini dilaksanakan serta-merta mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih

Yang benar,

(MOHD ABDUL RASHID MOHD FADZIL)
Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k. - Y.Bhg. Prof. Dato' Naib Canselor UKM
- Timbalan-Timbalan Canselor UKM
- Pendaftar UKM



Pemenang Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2006
Winner of the Prime Minister's Quality Award 2006

Jabatan Bendahari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Telefon: 03-8921 3116/3117 Faksimili: 03-8925 4605 Laman web: www.ukm.my/bendahari
Mel-e: bndhri@ukm.my



KEMENTERIAN KEWANGAN

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 12 TAHUN 2008

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua YB Pegawai Kewangan Negeri
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

**PINDAAN HAD KELAYAKAN PINJAMAN/PEMBIAYAAN
MEMBELI KERETA BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM AM PERSEKUTUAN,
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN DAN PERKHIDMATAN POLIS**

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeling ini bertujuan memaklumkan pindaan had kelayakan pinjaman/pembayaan membeli kereta pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan Perkhidmatan Polis.

2. PINDAAN HAD KELAYAKAN PINJAMAN/PEMBIAYAAN

- 2.1 Had kelayakan pinjaman/pembayaan mengikut perenggan 5.1 Pekeling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1993, Bil. 4 Tahun 1994, perenggan 6.1 Pekeling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1993, Bil. 5 Tahun 1994 dan perenggan 5 Surat Pekeling Perbendaharaan Bil. 17 Tahun 2001 adalah dipinda seperti berikut:

(i) Untuk Membeli Kereta	Had Pinjaman/Pembayaan
(a) Jawatan-jawatan Utama dan Jawatan-jawatan Gred Khas atau Timbalan Pesuruhjaya Polis hingga Ketua Polis Negara	RM70,000
(b) Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Penolong Pengguna Polis hingga Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis	RM65,000
(c) Kumpulan Sokongan atau Ketua Inspektor Polis dan ke bawah (Kelulusan khas bagi gaji RM1,620 ke bawah)	RM55,000

- | | |
|----------------------------|---------|
| (ii) Membeli Motosikal | RM5,000 |
| (iii) Membeli Motobot | RM4,000 |
| (iv) Membeli Enjin Motobot | RM3,500 |
| (v) Membeli Bot | RM700 |
| (vi) Membeli Basikal | RM500 |
- 2.2 Syarat kelayakan pinjaman/pembiayaan mengikut perenggan 3 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 17 Tahun 2001 adalah dipinda seperti berikut:
- Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang layak memohon pinjaman/pembiayaan kereta adalah Pegawai yang berjawatan tetap dan sesungguhnya memerlukan kereta untuk menjalankan tugas rasmi. Mereka yang bergaji pokok tidak kurang daripada **RM1,620** dan memegang jawatan penting seperti Pengetua, Guru Besar, Penolong Kanan, Penyelia Petang, Guru Hal Ehwal Murid dan Ko-kurikulum dan Warden Asrama layak memohon.
- 2.3 Permohonan pinjaman/pembiayaan untuk membeli kereta oleh seseorang pegawai bergaji kurang daripada **RM1,620.00** sebulan hanya boleh dipertimbangkan dan diluluskan oleh Perbendaharaan dengan syarat:
- (i) Ketua Jabatan memperakarkan bahawa:
 - (a) pegawai itu tidak dapat menjalankan tugas rasmi dengan cekapnya setiap hari tanpa menggunakan sebuah kereta sendiri atau pun pegawai yang berkenaan telah disahkan oleh Lembaga Perubatan (Perintah Am Bab F) sebagai tidak boleh menunggang motosikal,
 - (b) pegawai mempunyai lesen memandu yang sah,
 - (c) jumlah amaun potongan bulanan pinjaman tidak boleh melebihi $\frac{1}{3}$ daripada gaji pokok serta elaun-elaun, dan
 - (d) jumlah perjalanan kerana bertugas rasmi adalah melebihi daripada 200 km tiap-tiap bulan selama 3 bulan berturut-turut.
 - (ii) Pegawai yang berkenaan telah diberi kelulusan untuk menuntut Elaun Hitungan Batu Kelas 'C'.

3. SYARAT-SYARAT PINJAMAN/PEMBIAYAAN

- 3.1 Pinjaman/pembiayaan dan bayaran perkhidmatan/keuntungan hendaklah dibayar balik sebanyak yang sama jumlahnya pada tiap-tiap bulan:
- (a) Bagi kereta baru tidak melebihi **108** bulan
 - (b) Bagi kereta yang sudah terpakai tidak melebihi **96** bulan
- 3.2 Jadual bayaran balik adalah seperti di **Lampiran A**.

- 3.3 Lain-lain syarat pinjaman/pembiayaan sama seperti Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1993, Bil. 8 Tahun 1993, Bil. 4 Tahun 1994, Bil. 5 Tahun 1994, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2001 dan Bil. 17 Tahun 2001.
- 3.4 Surat perjanjian pembiayaan mengikut Prinsip Al-Bai 'Bithaman' Ajil adalah dikehendaki disetem sebanyak RM3.00.

4. PENYEDIAAN BAUCER/CEK SEBELUM KENDERAAN DIBELI

- 4.1 Untuk mengelakkan peminjam menyimpan cek terlalu lama, peminjam hendaklah mendapatkan surat pengesahan daripada pihak pembekal kereta, tarikh sebenar kenderaan dapat dibekalkan dan mengemukakannya bersama dengan borang permohonan pinjaman/pembiayaan. Penyediaan baucer dan penyerahan cek hendaklah berpandukan tarikh kenderaan dibekalkan yang mana baucer bayaran boleh dikemukakan kepada pejabat pembayaran sebulan sebelum tarikh kenderaan dibekalkan.

5. TARIKH KUATKUASA

- 5.1 Surat Pekeliling Perbendaharaan ini berkuat kuasa serta-merta mulai tarikh ianya dikeluarkan.
- 5.2 Dengan berkuat kuasanya Surat Pekeliling Perbendaharaan ini, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1996 dan Bil. 9 Tahun 2000 adalah terbatas.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

28 November 2008

s.k.

Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara
Akauntan Negara Malaysia

LAMPIRAN ‘A’

**JADUAL BAYARAN BALIK BULANAN PINJAMAN
DAN BAYARAN PERKHIDMATAN BAGI PINJAMAN BIASA
ATAU JUMLAH KEUNTUNGAN MENGIKUT PRINSIP
AL-BAI’ BITHAMAN AJIL**

Tempoh Pinjaman/Pembayaran Tahun	Bayaran balik Bulanan Bagi Tiap-tiap RM1,000
1	85.15
2	43.42
3	29.52
4	22.58
5	18.42
6	15.65
7	13.67
8	12.19
9	11.04